

# PROGRAM PERSONA WANITA SEJATI

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3309-program-persona-wanita-sejati](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3309-program-persona-wanita-sejati)

BUTTERWORTH, 8 Apr 18 - Seramai 35 ahli BAKAT PU Butterworth telah menyertai Program Persona Wanita Sejati yang dianjurkan oleh Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) Parlimen Tasek Gelugor yang diadakan di Dewan Mutiara Sekolah Tunas Bakti, Telok Air Tawar. Program ini dirasmikan oleh Y.B. Dato Hajah Jahara Binti Hamid iaitu Pengerusi MPWK Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi MPWK Parlimen Tasek Gelugor. Program dimulakan dengan sesi Ice Breaking diikuti dengan ceramah Metafizik, Kerjaya Kecantikan Dunia Digital, Penampilan Diri, Penjenamaan Imej & Keyakinan Diri serta demonstrasi solekan. Program berakhir dengan penyampaian sijil dan sesi bergambar.

